

17 DEC 1998

MAHATHIR BERLEPAS PULANG SELEPAS HADIRI SIDANG KEMUNCAK ASEAN

HANOI, 17 Dis (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berlepas pulang tengah hari ini selepas menghadiri Sidang Kemuncak Keenam Asean yang tamat semalam.

Beliau diiringi oleh isteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali.

Terdahulu, Dr Mahathir dan Perdana Menteri Vietnam bersama-sama melancarkan pengeluaran minyak mentah komersil daripada Medan Minyak Ruby di luar pesisir Vietnam yang dikendalikan oleh Petronas.

Beliau juga memberikan persidangan berita sebelum berlepas dari Hanoi.

Menteri Luar Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Rafidah Aziz juga berlepas pulang hari ini.

-- BERNAMA

MAM NAK